

Isu pendatang turut dibincang dalam lawatan Dr. M

KUALA LUMPUR 5 Ogos — Isu pendatang tanpa izin adalah antara perkara yang akan dibincangkan dengan Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri sempena lawatan kerja dua hari Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke Bali mulai Rabu ini.

Perkara lain yang dijangka turut dibincangkan ialah soal pelaburan, persempadanan, pengambilan pekeja dari republik itu serta beberapa isu serantau dan antarabangsa yang berkepentingan bersama.

Kementerian Luar dalam satu kenyataan hari ini berkata, lima memorandum persefahaman (MoU) akan turut ditandatangani sempena lawatan kerja tersebut.

Antaranya, melibatkan soal penghantaran pulang pendatang tanpa izin, kerjasama imigrasi, pembangunan wanita dan keluarga serta penubuhan Majlis Perdagangan Bersama Malaysia-Indonesia.

Dr. Mahathir dan Megawati juga akan merasmikan projek perbekalan gas Indonesia kepada Malaysia iaitu satu projek usaha sama antara Petronas dan Pertamina.

Lawatan kerja Perdana Menteri itu diadakan atas jemputan Megawati dan merupakan perbincangan tahunan antara pemimpin kedua-dua negara.

“Ia bertujuan untuk memperbaharui dan mengukuhkan lagi hubungan dan kerjasama dua hala antara Malaysia dan Indonesia,” kata kenyataan itu.

Dr. Mahathir akan diiringi oleh beberapa orang menteri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan serta agensi-agensinya sepanjang lawatan itu.